

# 18 resolusi untuk tawan kembali Kelantan

UM 2 1 DEC 2002

MACHANG 20 Dis. — Konvensyen Barisan Nasional (BN) Kelantan hari ini meluluskan 18 resolusi antaranya memperkasakan kekuatan politik melalui kepimpinan yang bersih.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Konvensyen BN Kelantan, Datuk Ibrahim Ali berkata, ini penting bagi memulihkan keyakinan untuk mendapatkan sokongan padu rakyat negeri ini terhadap kepimpinan BN.

Katanya, resolusi itu juga akan menjadi hala tuju gerak kerja UMNO dan BN Kelantan dalam usaha menawan kembali negeri itu dari Pas.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan resolusi konvensyen BN kepada Pengerusi BN negeri, Datuk Mustapa Mohamed yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan di akhir konvensyen petang ini.

Mustapa akan menyerahkan resolusi tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas ini. Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Resolusi Konvensyen BN Kelantan berkata, selain itu, BN Kelantan juga akan memperhebatkan kegiatan dakwah Islamiah secara tersusun dan bijaksana.

Katanya, ini termasuklah melaksanakan program pembangunan melalui pendekatan Islam secara lebih sistematik dan praktikal, berkesan serta terus menyemarakkan syiar Islam mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

## Membangunkan

"BN juga akan membangunkan institusi penyelidikan dan pembangunan agama serta meningkatkan perkembangan pendidikan dan sekolah-sekolah pondok di negeri ini.

"Kita juga berhasrat mewujudkan tenaga dan pengiktirafan sewajarnya kepada pengajar dan pendidik agama dalam sistem pendidikan formal dan tidak formal di semua peringkat, termasuk di seluruh kempung dalam negeri ini,"ujarnya.

Menurutnya, BN juga akan menyusun dan memperkemaskan Yayasan Islam Kelantan (YIK) jika BN diberi kuasa supaya menjadikannya sebuah institusi yang berwibawa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan tenaga akademiknya diberi pengiktirafan baru yang lebih baik.

Ibrahim berkata, dari segi pendidikan, BN Kelantan akan berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Pusat bagi mewujudkan sebuah universiti bertaraf antarabangsa di negeri ini jika BN diberi kuasa dalam pilihan raya akan datang.

Katanya, BN juga akan berusaha agar sekolah agama rakyat (SAR) di negeri ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat dengan memperbaiki dan mengemaskinikan kurikulum asal.

Lain-lain resolusi termasuklah menyusun aktiviti membasmi kemiskinan dengan harapan akan mencetus proses pengupayaan penduduk desa untuk melaksanakan program pembangunan kawasan tempatan dengan sendiri.

- Menyediakan peluang-peluang pekerjaan di semua sektor termasuk di sektor awam, pertanian, perindustrian, perkhidmatan, pelancongan dan sektor-sektor swasta yang lain.

- Merancang dan melaksanakan program yang sesuai untuk membina, membangun dan melatih belia supaya potensi dan keupayaan dipertingkatkan.

- Meningkatkan usaha dan program yang sesuai untuk golongan wanita bagi memastikan kedudukan hak dan imej wanita terpelihara sesuai dengan peranan wanita masa kini.

- Mengucapkan terima kasih dan terutang budi kepada Dr. Mahathir di atas kepimpinan, ketokohan dan kebijaksanaan beliau memantapkan pembangunan agama, bangsa dan membela rakyat Malaysia.

- Menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr. Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya keharmonian, kestabilan dan kemakmuran negara di bawah pemerintahan kerajaan BN sebagai tonggakunya terus dapat dipertahankan.

- Menyokong sepenuhnya kepimpinan Mustapa Mohamed dan pendekatannya yang mampu mengukuh perpaduan BN serta meningkatkan kerjasama dengan semua pihak dan rakyat keseluruhannya.